


Putera di-Raja dan Perdana Menteri



oleh Harry Miller

YAYASAN
KEPERIBAH
PELOKAN



Putera di-Raja dan Perdana Menteri



*Perjuangan hidup
Tengku Abdul Rahman Putera
Perdana Menteri
Persekutuan Tanah Melayu*



Oleh **HARRY MILLER** Di-Melayukan oleh **MUSTAFA SUHAIMI**

PUSTAKA PERDANA



1006731



LAFAZ TAHNI'AH

Saudara Harry Miller ia-lah sa-orang wartawan yang terkenal di-Malaya kerana dalam melaksanakan tugas-nya beliau sentiasa berpandukan kenyataan yang benar. Buku persembahan-nya ini mengandong riwayat hidup saya yang dapat di-kumpulkan-nya sedikit2 barkat kegiatan-nya mengadakan pertemuan2 dengan beberapa orang sahabat dan kenalan saya, serta dengan saya sendiri sedangkan usaha-nya ini telah mengambil masa yang bukan sedikit.

journalist

Saya telah menyemak kandungan buku ini bersama2-nya, dan saya akui ini-lah cherita dari hal diri saya yang tepat. Apa yang termaktub di-dalam buku ini ada-lah hasil kegiatan saudara Miller dalam membongkar segala kenyataan yang benar menurut pertimbangan-nya.

reviewed
complete

heaved up

Dalam pada itu, saya suka menegaskan di-sini bahawa sa-barang kenyataan yang berupa buah fikiran dan pendapat persاورangan di-dalam buku ini ada-lah hasil fikiran beliau sendiri.

stress

Besar-lah harapan saya bahawa cherita yang di-lukiskan ini akan merupakan satu cahaya yang menerangkan lubok hati orang2 yang maseh belum memahami hakikat kebangkitan ra'ayat Malaya dan perjuangan mereka untuk mencapai kemerdekaan-nya, untuk hidup di-dalam udara bebas sa-bagai lain2 bangsa yang merdeka.

hole
truth

Sa-sunggoh-nya dengan kehendak Tuhan-lah saya telah di-pilih menjadi Perdana Menteri yang pertama negara Persekutuan Tanah Melayu yang merdeka. Tidak ada chita2 yang lebeh besar dalam hidup saya daripada menyerahkan bakti kepada ra'ayat Malaya, khusus-nya untuk kebajikan bangsa saya sendiri, ia-itu orang2 Melayu. Sa-kira-nya saya di-anggap telah berjaya, walau sedikit jua pun, dalam

feeling
(wish?)
in particular
considered

melaksanakan chita2 itu, saya bersyukur ka-hadhrat Tuhan oleh kerana dengan hidayat-nya dapat saya memimpin tanah ayer saya sa-hingga terchapai kemerdekaan-nya dengan tidak menitiskan darah walau sedikit pun.

Di-dalam negeri kami, Persekutuan Tanah Melayu, dengan penduduk-nya yang terdiri dari berbagai2 bangsa, kami mengerti, lebeh daripada orang2 di-tempat lain, bahawa asas chita2 hidup damai dan bahagia di-dunia ini ia-lah perasaan muhibbah, persaudaraan dan berbaik2 antara sa-sama manusia, dan hendak-nya hakikat ini di-sematkan betul2 di-dalam ingatan sa-siapa juga yang akan menyerahkan khidmat-nya di-masa2 yang akan datang kepada Malaya dan penduduk-nya sakalian.

Kapada penyusun buku ini saya ucapkan tahni'ah, sa-moga buah usaha-nya ini menchapai kejayaan.

TENGGU ABDUL RAHMAN PUTERA AL-HAJ

Kuala Lumpur,
Persekutuan Tanah Melayu.

PENDAHULUAN

Ini-lah cherita dari hal sa-orang putra di-raja Melayu yang telah mencheborkan diri-nya ka-dalam pergolakan politik tanah ayer-nya, hasil desakan dan tekanan dari teman2 dan penyokong2-nya. Beliau telah di-desak supaya memegang suatu tugas besar di-kala tidak ada sa-orang pun dari tokoh2 politik bangsa-nya ingin berbuat demikian. Tugas ini ia-lah presiden sa-buah parti politik kebangsaan Melayu yang sedang berkochak di-sebabkan oleh perselisihan yang timbul di-sekitar dasar perkauman.

plunged
urge, pressure
sure
politicians
dispute
race
faith
ettled
position
influential

Beliau-lah yang memupok kembali keyakinan mereka yang hampir hilang, menjelaskan kedudukan mereka dan menyusun kembali perjalanan parti itu sa-hingga jadi-lah ia sa-buah parti yang paling kuat dan berpengaruh di-negeri ini.

Sa-telah enam tahun beliau berada di-puchok pimpinan parti itu, Kerajaan British telah di-desak-nya supaya menyerahkan kekuasaan-nya di-negeri ini. Terchapai-lah akhir-nya kemerdekaan di-dalam lingkungan Commonwealth dan beliau telah di-pilih menjadi Perdana Menteri-nya yang pertama.

Kejayaan ini tidak ada tara-nya dalam sejarah demokrasi di-dunia bebas. Kejayaan-nya lebeh terserlah manakala di-tilek pada chorak hidup-nya sa-lama 45 tahun yang pertama ini — kerana beliau maseh berhidup sederhana, sa-laku ra'ayat biasa.

equal
glowing
white
at here

Beliau berjaya menchapai kelulusan Bachelor of Arts di-Cambridge University, London dengan mendapat markah kelulusan yang paling rendah.

fail

Berulang2 kali beliau gagal dalam ujian untuk menchapai sijil ilmu undang2, kerana kechenderongan-nya lebeh tertumpu kepada lumba kuda, lumba anjing, dan tarian2 barat. Beliau

side-trust
interest

lulus hanya ketika berumur 45 tahun sa-telah menghabiskan masa sa-lama 25 tahun untok menjadi sa-orang peguam.

Sa-bagai Pegawai Daerah di-dalam negeri tempat ayahenda-nya berdaulat, beliau bukan-lah sa-orang pentadbir yang maha bijak, namun beliau amat di-kasehi oleh ra'ayat. *lawyer*

Watak-nya yang tersembunyi dan kejujoran-nya dalam melaksanakan tanggung jawab-nya ia-lah yang telah menjayakan beliau sa-bagai pemimpin suatu bangsa di-Tenggara Asia dan sa-orang negarawan yang terkemuka. Di-tekan oleh tanggung jawab dan tugas2-nya yang berat ini lahir-lah dengan sendiri-nya watak2 yang sa-mula jadi dan nilai peribadi-nya yang tersendiri. *admission*

Tokoh ini ia-lah Tengku Abdul Rahman Putra, putra Al-marhum Sultan negeri Kedah, dan hari ini menjadi Perdana Menteri Persekutuan Tanah Melayu yang merdeka. Namun demikian beliau maseh sederhana dan maseh suka merendah diri. *va*

Beliau telah memegang pimpinan sa-buah parti politik, sa-bagai Presiden Pertubohan Kebangsaan Melayu Bersatu semenjak tahun 1951. Tetapi perlaksanaan yang terbesar sa-kali di-sisi-nya ia-lah perjuangan-nya merebut kuasa politik hingga terchapai kemerdekaan tanah ayer dengan tidak menggunakan kekerasan atau menimbulkan krisis dalam negeri sa-bagai yang biasa di-alami oleh negara2 Asia dan Afrika yang lain sa-belum dapat membebaskan diri masing2. *experienced*

Terchapai-nya kemerdekaan negeri ini ia-lah barakat perhubungan baik dan simpulan tali persahabatan yang wujud di-antara Great Britain dan Malaya. *exist*

Tengku Abdul Rahman bukan-lah sa-orang pejuang politik yang berperdirian keras dengan pidato yang berapi2. Sifat yang sa-macham itu bertentangan dengan naluri dan watak-nya yang sa-mula jadi. Mungkin beliau-lah satu2-nya pejuang politik Timor yang lebeh mengutamakan daya persahabatan, pujokan dan dasar bertolak ansor untok menjayakan chita2-nya. *speech*

Beliau telah menggesa orang2 Melayu dan China, ia-itu dua bangsa yang terbesar di-Malaya supaya hidup berbaik2 dan bersatu dalam chita2 politik mereka. Di-terangkan-nya *compromise*

pula kepada sembilan Raja2 Melayu bahawa Malaya tetap akan menchapai kemerdekaan-nya, tetapi ini bukan-lah erti-nya kedudukan dan hak mereka akan hilang.

Dan akhir-nya beliau mendesak pula Kerajaan British supaya Tanah Melayu di-kembalikan ka-tangan ra'ayat-nya.

Di-waktu mula2 beliau memegang tampok pimpinan UMNO, ada tanda2 yang membuktikan bahawa beliau ia-lah sa-orang tokoh politik yang periang dan terlalu gemar berpelesiran. Beliau kerap menyemak kembali jadual lumba kuda sa-belum menyatakan persetujuan-nya untok menghadhiri pertemuan2 penting politik atau menyelesaikan urusan-nya berhubung dengan Kerajaan. Kerana itu beliau tidak-lah di-sangka dapat melakukan gerakan2 tegas buat menentang tekanan2 dari parti2 lain atau bertindak terhadap Kerajaan.

Namun demikian, perubahan besar yang di-lalui-nya sa-telah memenangi pilihan raya dan di-lantek menjadi Ketua Menteri, amat-lah mengkagumkan.

Sejak itu perdirian-nya sa-makin tegoh, gerak geri-nya tambah berdisiplin dan tugas-nya lebeh di-berati dari masa yang lalu, sa-hingga hasil-nya hilang-lah kebimbangan orang bahawa pemerentahan yang akan terletak di-dalam tangan-nya akan kachau dan porak peranda.

Sa-balek-nya timbul-lah keyakinan dan harapan terhadap-nya.

Riwayat hidup Tengku Abdul Rahman ini tidak akan lengkap kalau tidak di-kembarkan sa-kali latar belakang-nya berupa perkembangan politik di-Malaya atau perjuangan kebangsaan yang meletus di-negeri ini.

Di-waktu negeri ini baharu mengator langkah untok membebaskan diri dari ikatan pengaruh fikiran tua, Tengku maseh kechil lagi.

Beliau hanya dapat melihat sahaja betapa negeri-nya menyambut bulat2 dasar pemerentahan demokrasi yang di-bawa oleh British, dan perkembangan perlembagaan-nya sa-tingkat demi sa-tingkat. Perkembangan perlembagaan ini menchapai punchak-nya apabila beliau sendiri ikut bergolak hingga terchapai-lah kemerdekaan.

pressed

stak
evidenced

consulted

movement

chaotic

development
burst

pace
influence

how
groundwork
in s ges

se forth
Bagaimana pun, tujuan utama buku ini ia-lah untuk mengenalkan putra di-raja ini kepada dunia. Tidak-lah dipaparkan di-sini sa-barang kesimpulan mengenai nilai diri-nya dan hasil pimpinan-nya sa-bagai Perdana Menteri. Chatetan seperti ini hanya dapat di-lakukan bila tiba waktu-nya beberapa tahun lagi yang akan datang.

Namun demikian, Tengku Abdul Rahman hari ini, ada-lah sa-orang pembesar Melayu yang di-sanjong tinggi. Kesalahan2-nya dapat di-kikis oleh perawakan-nya yang menarek hati, kemurnian hati dan chita2 utama-nya untuk sentiasa berguna dan memperbaiki keadaan di-tanah ayer dan kehidupan penduduk-nya dari berbagai bangsa — Melayu, China, India, Serani dan sa-terus-nya.

Saya berhutang budi kepada Tengku Abdul Rahman kerana sudi meluangkan masa rehat-nya yang sadikit untuk membantu saya dengan memberikan bahan2 yang berharga untuk buku ini.

Saya tidak lupa juga menguchapkan ribuan terima kaseh kepada orang2 Melayu, China dan British, baik yang tinggal di-Malaya mahu pun di-luar negeri; demikian juga kepada tokoh2 politik, pegawai2 tadbir Melayu dan British dan sahabat2 yang hampir dengan Tengku — jika tidak kerana bantuan mereka neschaya tidak-lah akan sempurna biografi yang saya susun ini.

Di-antara mereka ini ia-lah Lord Ogmore, Sir Ivor Jennings, Master of Trinity Hall, Cambridge, Tuan Neil Lawson, Q.C., Dato Abdul Razak bin Dato Hussein, Timbalan Perdana Menteri merangkap Menteri Pertahanan Persekutuan, Colonel Sir Henry Hau-shik Lee, Menteri Kewangan, dan Tuan T. H. Tan, Setiausaha Majliskerja Parti Perikatan.

HARRY MILLER

Kuala Lumpur,
Malaya.

KANDONGAN

	Muka
Di-lahirkan Dengan Helah	1
Pergaulan-nya di-Masa Kechil	6
Di-sekolah	19
Menuntut di-Cambridge	26
Ka-England Lagi	36
Pegawai Jajahan	45
Melarikan Sultan	55
Zaman Pendudukan	67
Tertuboh-nya U.M.N.O.	77
Di-London Sa-kali Lagi	93
Berjaya Jadi Barrister	104
Di-pejabat Undang2	113
Terpenchil Dari Politik	123
Presiden Sa-buah Parti	133
Perikatan Terbentok	145
Di-pangkal Jalan Kebebasan	157
Menolak Perlantekan	165
Sa-tahun Penoh Dugaan	170
Mendesak Kerajaan British	178
Krisis Politik	189
Gerakan Memulau	196
Drama di-Atas Kapalperang	210
Menuju Kemerdekaan	219
Menang Pilihan Raya	231
Jadi Ketua Menteri	244
Berdepan Dengan Komunis	256
Di-atas Talam Emas	269
Merdeka	280
Akan Ka-mana Pemimpin Dan Negara?	295

Printed by The Straits Times Press (Malaya) Limited



PERDANA
LEADERSHIP
FOUNDATION
YATASAN
KEPIMPINAN
PERDANA

DI-LAHIRKAN DENGAN HELAH

SA-WAKTU Tengku Abdul Rahman Putera di-lahirkan di-Alor Star pada 8 February, tahun Masihi 1903, di-negeri Kedah yang permai itu terasa-lah serba sadikit tanda2 keriaan. Kapada penduduk kampung yang bekerja di-bendang2 padi, anak kecil ini tidak lebeh daripada sa-orang putera dari sa-orang bapa yang kebetulan di-masa itu menjadi Sultan mereka, dengan nama Abdul Hamid Halim Shah. Walau pun umur baginda baharu meningkat 39 tahun, namun baginda telah mendudoki takhta sa-bagai Sultan sa-lama 21 tahun.

Sultan Abdul Hamid telah mangkat pada tahun 1943, dalam usia-nya 79 tahun. Daripada 8 isteri (tidak pada satu masa), baginda telah di-kurniakan 49 orang putera dan puteri, dan daripada mereka, baginda beroleh pula 92 orang chuchunda dan chichinda. Titehan yang sa-demikian rupa boleh di-katakan luar biasa ramai-nya di-kalangan kerabat di-Raja di-Tanah Melayu ini.

Makche Menjelara, bonda Tengku Abdul Rahman, ia-lah isteri Sultan Kedah yang keenam, dan sa-orang wanita bangsa Siam. Hal ini bagaimana pun, tidak-lah berupa luar biasa, bila di-tilek dari hakikat bahawa kedua negeri tersebut, ia-itu Kedah dan Siam, memang terlalu dekat perkaitan-nya baik pada segi sejarah mahu pun dalam pertalian hidup sa-tiap hari. Dalam masa beberapa tahun Menjelara telah di-pandang sa-bagai isteri Sultan yang teristimewa.

Apabila Tengku Abdul Rahman di-lahirkan, ibu-nya telah pun melahirkan tiga orang putera (sa-orang daripada-nya telah meninggal dunia tidak lama sa-sudah itu) dan tiga orang puteri. Dalam tempoh sembilan tahun kemudian dari itu, Menjelara telah melahirkan enam orang anak lagi.

Telah sa-kian tahun lama-nya baginda Sultan mengidap penyakit yang mengganggu jalan fikiran-nya. Dari tahun 1896

when
a little

died
ge
so e. him
obtained
sphere, family

ava in ad
truth
angle, history

fo many

Regent
il ess
has appa n

hingga akhir hayat-nya pada tahun 1943, baginda hidup sa-bahagian besar dari umur-nya di-dalam perasingan, dan hasil-nya sa-orang Pemangku Sultan telah di-lantek untok meneruskan pemerentahan negeri. Akan tetapi, biar pun dalam kegeringan-nya, usia baginda telah di-lanjutkan oleh Tuhan hingga dapat mengatasi usia beberapa orang isteri baginda dan putera puteri, yang mana di-antara-nya termasuk tiga waris2 mahkota, dan tiga lagi pemangku2 Sultan, sedangkan sa-orang daripada-nya ia-lah adinda lelaki baginda sendiri.

ripp es l i
appe portio
of lap
ci cu ta
lie

Maka oleh yang demikian itu-lah bila Tengku Abdul Rahman selamat di-lahirkan ka-dunia, riak keriaan hanya terlihat di-dalam rumah-nya dan dalam pangkuan bonda-nya sahaja. Sebab-nya ia-lah kerana putera Sultan yang keempat ini telah di-kandung oleh bonda-nya dalam suasana, yang hingga ka-hari ini di-sifatkan oleh Tengku sendiri sa-bagai suasana "dusta". "Saya di-lahirkan dengan helah," Tengku pernah berkata dengan gelak ketawa. "Cherita ini selalu saya dengar dari bonda saya sendiri."

impor a t ev
possible
seal
abused, c ar
trus

Peristiwa di-sabalek itu, sungguh menarek hati, dan mungkin mempunyai kesan-nya yang tersendiri kepada peribadi Tengku. Suatu masa Sultan Abdul Hamid telah di-beritahu bahawa pegawai Penyimpan Mohor di-Raja telah mengkhianati amanat-nya sa-bagai Penyimpan Mohor dan telah menjual tanah Kerajaan dengan tidak mendapat kuasa. lebeh dahulu daripada Raja dan kemudian telah menggunakan wang itu kerana keperluan-nya sendiri. Hukuman ka-atas-nya terletak di-tangan Sultan. Penyimpan Mohor itu lalu di-hukum bunoh, dan supaya kesalahan-nya meninggalkan kesan dalam keluarga-nya sa-lama hidup, baginda telah memerentahkan pula supaya ibu jari tangan kanan isteri dan anak2-nya di-potong semua-nya. Hukuman ini amat kejam tetapi tidak ada siapa yang dapat membantah menelek kepada kuasa penoh yang di-berikan kepada baginda dalam membuat hukuman, sa-bagai sa-orang Sultan yang berdaulat menurut perlembagaan negeri-nya.

Penyimpan Mohor yang malang itu sangat di-kasehi oleh

isteri-nya dan tentu sa-kali tidak tergamak isteri-nya membiarkan dia menjalani hukuman mati itu. Isteri-nya itu menentang keras terhadap perintah memotong ibu jari anak2-nya yang tidak berdosa. Wanita ini terus datang mendapatkan Menjelara, yang sa-masa itu di-ketahui umum sa-bagai isteri Sultan yang di-pandang istimewa. Wanita itu memohon belas kasihan-nya dan supaya dapat-lah kira-nya Menjelara membuat sa-suatu yang boleh meringankan hukuman itu.

Pada permulaan-nya, permohonan ini telah di-tolak oleh Menjelara dengan berkata, "Saya ta' mahu champor tangan dalam urusan keadilan yang di-pegang oleh Tuanku itu. Lagi pun, suami puan sudah patut menerima hukuman."

Dengan lelehan ayer mata dan tangisan yang menyayukan hati, wanita malang itu terus bermohon juga supaya sa-kurang2-nya jangan-lah anak2-nya yang tidak berdosa itu di-hukum juga.

Kerana dia juga sa-orang ibu, akhir-nya Menjelara telah menyatakan persetujuan-nya akan champor tangan dalam hal itu.

Kapada baginda, Menjelara menyatakan bahawa dia telah mengandong lagi, dan kandungan-nya itu di-bimbang-nya akan di-jangkiti oleh kesan yang burok kalau baginda terus juga menjalankan hukuman yang telah di-jatuhkan ka-atas Penyimpan Mohor di-Raja itu anak beranak. Menjelara menyatakan perasaan bimbang-nya kalau2 kerana perbuatan suami-nya itu, anak yang bakal di-lahirkan-nya kelak tidak berjari tangan bahkan harus juga kodong kaki dan tangan-nya.

Pengaduan yang di-buat oleh Menjelara ini memang ada asas-nya kerana antara keperchayaan kebanyakan orang tua2 Melayu ia-lah sa-orang suami tidak boleh menyebabkan kesakitan kapada makhluk yang lain sa-waktu isteri-nya sedang mengandong, kerana perbuatan-nya itu akan memberi kesan yang burok kapada anak-nya yang sedang di-dalam kandungan isteri-nya.

Berita yang di-sampaikan oleh Menjelara itu telah mendatangkan dua kesan. Sultan Abdul Hamid merasa sukachita benar bahawa isteri-nya yang di-kasehi itu akan melahirkan sa-orang anak lagi, dan sudah tentu baginda tidak ingin

future

creature

affect



suail
separate (anak yang di-dalam kandungan itu mendapat benchna apa2. Lalu baginda memerentahkan supaya Penyimpan Mohor yang bersalah itu di-hukum penjara sahaja dan lain2 hukuman ka-atas anak isteri-nya di-batalkan.

*gra e
 cha
 evidence* Sa-benar-nya, Menjelara tidak-lah mengandong di-waktu itu. Tetapi mujor-nya, dia chepat juga mengandong sa-sudah itu, dan anak yang di-lahirkan-nya itu ia-lah tidak lain dari Tengku Abdul Rahman Putra. Orang tua2 Melayu di-Kedah yang maseh berpegang kapada keperchayaan lama, banyak perchaya bahawa sifat2 lemah lembut dan dermawan Menjelara, yang di-buktikan dengan perbuatan-nya menyelamatkan Penyimpan Mohor itu dan keluarga-nya, telah berpindah kapada peribadi anak-nya yang di-lahirkan sa-sudah itu, dan itu-lah sebab-nya Tengku Abdul Rahman terus mempusakai sifat2 belas kasihan, pemurah dan berhati lembut, sa-bagai yang dapat di-saksikan hari ini.

family
ancestor
ance (Keluarga di-Raja negeri Kedah boleh di-katakan ia-lah satu keluarga di-Raja yang tertua sa-kali di-Tanah Melayu. Nasab keturunan di-Raja Kedah tidak pernah putus semenjak 1,000 tahun yang lalu. Dan dapat pula di-ikuti jejak keturunan-nya hingga kapada sembilan orang Raja2 Hindu dan enam belas Sultan2 yang beragama Islam. Putera2 dan puteri2 di-Raja negeri Kedah turun temurun telah di-beri tahu bahawa moyang mereka yang pertama ia-lah Marong Mahawongsa, sa-orang putera Raja Monggol dari India. Di-katakan bahawa sa-masa Raja Marong Mahawongsa di-tengah2 perjalanan-nya menuju ka-negeri China untok berkahwin dengan sa-orang puteri Monggol juga, kapal-nya telah karam di-Selat Melaka, Baginda-lah di-antara orang2 yang telah dapat menyelamatkan diri dan naik ka-pantai negeri Kedah. Penduduk Kedah di-masa itu telah menerima kedatangan-nya dan akhir-nya melantek baginda menjadi Raja mereka.

*Anglo
 Treaty* (Tengku Abdul Rahman baharu berumor enam tahun di-waktu ayahenda-nya menanda-tangani Perjanjian Inggeris-Kedah. Empat-puluh delapan tahun kemudian-nya, sa-bagai Ketua Menteri, di-saksikan pula oleh-nya upachara menamatkan sejarah pemerentahan British, bukan sahaja di-Kedah tetapi di-seluruh Malaya. Ini-lah hari yang paling bersejarah

di-sisi-nya, sa-bagai hasil usaha dan penat lelah-nya sa-lama enam tahun mencheborkan diri dalam pergolakan politik tanah ayer-nya.

Tengku tidak-lah dapat mengingat sa-chara lanjut dari hal upachara penyerahan kuasa negeri Kedah dari tangan Kerajaan Siam kapada Inggeris itu. Dia maseh terlalu kecil ketika itu, tetapi yang maseh tidak dapat di-lupakan-nya ia-lah tentang hadiah yang di-sampaikan oleh ayahenda-nya kapada Raja Inggeris, sa-baik2 selesai di-lakukan istiadat penyerahan kuasa itu.

Sa-belum perjanjian yang tersebut di-tanda-tangani, Kedah telah pun siap membuat pohon2 bunga emas yang biasa-nya di-kirimkan kapada Raja negeri Siam sa-bagai hadiah "Bunga Emas." Apabila kuasa naungan itu bertukar tangan, Kerajaan Kedah pun memutuskan akan bertanya kapada Kerajaan British kalau "sahabat kami yang baik," King Edward VII, di-masa itu, gemar menerima hadiah dua pohon emas yang telah di-siapkan itu agar dapat menjadi kenang2an baik antara kedua kerajaan itu dalam beberapa abad yang akan datang.

Jawapan yang di-terima kemudian-nya ia-lah, bahawa Baginda King amat suka untok menerima hadiah tersebut. Kedua2 pohon bunga emas itu pun di-isikan ka-dalam dua buah peti kayu dan di-kirimkan dengan kapal laut ka-London. Di-London, Setiausaha Tanah Jajahan ketika itu-lah yang telah menerima kiriman tersebut. Kemudian dia sendiri telah membawa pohon2 itu untok di-sampaikan kapada Baginda King. Baginda telah melahirkan rasa penghargaan-nya yang tinggi terhadap hasil kepandaian tangan dan kesenian orang2 Melayu yang bernilai itu.

lengthy

*caused
its effect*

*protection
described*

*memorable
steadily*

PERGAULAN-NYA DI-MASA KECIL

DALAM bahagian pertama telah kita ketahui bahawa bonda Tengku Abdul Rahman, Menjelara, ia-lah sa-orang wanita bangsa Siam. Ayah Menjelara yang bernama Luang Nara Boriraks di-suatu masa telah di-lantek menjadi Gabnor sa-buah daerah kecil negeri Siam yang bernama Meaung Nontaburi. Bandar besar dalam jajahan itu Park-Kret, jarak-nya kira2 sa-jam perjalanan dengan kereta dari kota Bangkok, ibu kota negeri Siam. Datok nenek Luang Nara Boriraks berasal dari Pegu, Burma. Maka darah yang mengalir dalam tuboh Tengku Abdul Rahman yang berchampur baur antara darah keturunan Siam, Melayu dan Burma itu-lah yang menyebabkan warna kulit-nya agak gelap sedikit. Menurut pengakuan-nya sendiri, di-antara semua adek beradek-nya, dia-lah yang gelap sa-kali warna kulit-nya. Rapat-nya pertalian keluarga-nya dengan negeri Siam ini-lah yang menyebabkan Tengku terus menaruh kechenderongan istimewa terhadap negeri itu.

Menjelara telah datang ka-negeri Kedah waktu dia maseh anak2 lagi. Satu puncha yang mengetahui menyatakan bahawa datang-nya ka-Kedah ia-lah untuk di-pelihara oleh Sultan Ahmad Tajuddin sa-bagai anak angkat. Di-dalam istana, dia telah hidup bersahabat dengan Tengku Harimah, saudara perempuan Sultan Ahmad Tajuddin, dan Harimah-lah yang telah membuat perkiraan mengahwinkan Mejelara dengan Tengku Abdul Hamid yang di-tabalkan menjadi Sultan lepas kemangkatan Sultan Ahmad Tajuddin.

Menjelara baharu berumur 19 tahun bila dia di-kahwin-kan dengan Sultan Abdul Hamid dalam tahun 1887 sa-bagai isteri-nya yang keenam. Daripada 12 orang anak-nya lelaki dan perempuan, hanya tujuh sahaja yang maseh hidup hari ini. Orang2 yang maseh ingatkan Menjelara di-negeri Kedah

hari ini telah mengaku bahawa Menjelara ia-lah salah sa-orang perempuan yang bijaksana ketika itu. Sa-bagai orang biasa, Menjelara sendiri boleh di-anggap sa-bagai perempuan yang berada juga dan berhidup mewah dalam daerah-nya. Dia mempunyai beberapa buah rumah sendiri di-kota Bangkok yang di-tinggalkan oleh orang tua-nya dan beberapa buah rumah pula di-Alor Star, ibu kota negeri Kedah, sa-bagai kurniaan ayahenda angkat-nya dan juga pemberian dari suami-nya sendiri.

Menjelara chukup sedar bahawa pertalian baharu yang di-ikat antara negeri Kedah dan Kerajaan Inggeris itu akan membawa Kedah ka-arrah pembangunan. Di-kala itu Alor Star hanya merupakan sa-buah perkampungan besar di-kelilingi oleh hutan belantara, dengan dua batang jalan raya dari utara ka-selatan dan mengikut jalan ka-utara itu hanya 33 batu jarak-nya dari sempadan jajahan Siam yang bernama Singgora. Menjelara sendiri telah mengusahakan hingga terbentang sa-buah jalan raya melalui tanah milek-nya di-Alor Star, dan mendirikan pula di-kiri kanan jalan itu beberapa buah rumah2 kedai. Jalan ini telah di-beri nama Jalan Baharu. Hingga ini jalan tersebut maseh ada lagi di-bandar Alor Star dan sa-buah dari jalan2 raya yang sibok sa-kali dengan kenderaan2 lalu lintas sa-tiap hari.

Menjelara juga telah membangunkan sa-buah pasar besar di-kota Alor Star, tetapi pasar ini tidak-lah kekal hingga sekarang. Jalan raya dengan kedai di-kiri kanan-nya dan pasar besar di-tengah2 bandar itu telah memberikan hasil yang lumayan kepada Menjelara.

Sa-waktu Tengku Abdul Rahman di-lahirkan-nya, Menjelara diam di-rumah-nya yang bernama Istana Kota Lama, sa-buah bangunan batu tiga tingkat. Letak-nya di-tengah2 bandar Alor Star, dan telah di-reka bentok-nya serta di-dirikan oleh sa-orang tukang bangsa China kira2 90 tahun sa-belum itu, menurut peshen rumah yang di-mahirkan-nya ia-itu peshen sa-buah pagoda China. Di-masa itu rumah ini di-anggap sa-bagai bangunan yang istimewa dalam kota Alor Star yang bersuasana dan bermasyarakat yang berchampur antara Melayu dan Siam.

Pengenalan ringkas —

INI-LAH cerita dari hal sa-orang putera di-raja Melayu yang telah mencheborkan diri-nya ka-dalam pergolakan politik tanah ayer-nya, hasil desakan dan tekanan dari teman2 dan penyokong2-nya. Beliau telah di-desak supaya memegang suatu tugas besar di-kala tidak ada sa-orang pun dari tokoh2 politik bangsa-nya ingin berbuat demikian. Tugas ini ia-lah presiden sa-buah parti politik kebangsaan Melayu yang sedang berkochak di-sebabkan oleh perselisihan yang timbul di-sakitar dasar perkauman.

Beliau yang memupok kembali keyakinan mereka yang hampir hilang, menjelaskan kedudukan mereka dan menyusun kembali perjalanan parti itu sa-hingga jadi-lah ia sa-buah parti yang paling kuat dan berpengaruh di-negeri ini.

Sa-telah enam tahun beliau berada di-puchok pimpinan parti ini, Kerajaan British telah di-desak-nya supaya menyerahkan kekuasaan-nya di-negeri ini. Terchapai-lah akhir-nya kemerdekaan di-dalam lingkungan Commonwealth dan beliau telah di-pilih menjadi Perdana Menteri-nya yang pertama.

Bagaimana pun, tujuan utama ini ia-lah untuk mengenalkan putera di-raja ini kepada dunia. Tidak-lah di-paparkan di-sini sa-barang kesimpulan mengenai nilai diri-nya dan hasil pimpinan-nya sa-bagai Perdana Menteri. Chatetan saperti ini hanya dapat dilakukan bila tiba waktu-nya beberapa tahun lagi yang akan datang.

Dalam kata pendahuluan-nya yang agak mengghairahkan, Tengku Abdul Rahman memuji tentang kebolehan Tuan Miller mengarang buku ini. Pehak penerbit pula berpendapat buku ini tinggi mutu-nya dan patut-lah ia di-mileki oleh tiap2 orang Melayu sa-bagai sa-buah buku yang berharga.

FEDERAL PUBLICATIONS LTD.

111, PUDU ROAD,
KUALA LUMPUR.

. .
. .

TIMES HOUSE,
SINGAPORE.